



## PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN

### **KENYATAAN MEDIA MENGENAI LAPORAN THE MALAY MAIL ONLINE BERTAJUK “DON’T BLINDSIDE AUCTIONEERS WITH ONLINE SYSTEM, PUTRAJAYA TOLD”**

Susulan laporan The Malay Mail Online bertarikh 17 Mac 2018 yang bertajuk “*Don’t Blindside Auctioneers With Online System, Putrajaya Told*”, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dengan ini menafikan kenyataan yang dibuat oleh Encik Mustafa Osman selaku Presiden Majlis Pelelong Malaysia.

Menerusi laporan tersebut, Encik Mustafa Osman menyatakan:-

*“...the proposed electronic platform to auction off foreclosed property was drawn up without proper consultation with stakeholders and alleged it was harmful to the livelihoods of some 1,800 auctioneers in the country... **we were taken by surprise when the government first had a trial-run in Kuantan for the platform in July 2017 without even including us in the conversation**”.*

Untuk makluman, sistem yang dirujuk tersebut adalah Sistem e-Lelong Bagi Kes-Kes Lelong Awam Harta Tak Alih Di Mahkamah Tinggi Malaya. Ianya telah dilancarkan secara perintis di Kompleks Mahkamah Kuantan oleh YAA Tun Raus Sharif, Ketua Hakim Negara pada 27 Julai 2017. Objektif utama pembangunan Sistem e-Lelong ini adalah bagi meningkatkan ketelusan dan keberkesanan proses bidaan lelong awam di Mahkamah bagi hartanah di Semenanjung Malaysia.

Dalam hal ini, PKPMP selaku agensi yang bertanggungjawab ingin menegaskan bahawa sebelum Sistem e-Lelong ini dilancarkan secara perintis, sebanyak 4 Sesi Libat Urus (*Engagement*) dengan pihak berkepentingan telah diadakan yang turut dihadiri oleh Encik Mustafa Osman selaku Presiden Majlis Pelelong Malaysia. Berikut adalah butiran Sesi Libat Urus tersebut:-

BIL.	SESI LIBAT URUS	TARIKH	PIHAK BERKEPENTINGAN
1.	Sesi I	28.11.2015	Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia, wakil institusi kewangan dan wakil pelelong berlesen
2.	Sesi II	1.3.2016	Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, Persatuan Perbankan Islam Malaysia dan Persatuan-Persatuan Pelelong Negeri
3.	Sesi III	23.6.2016	Wakil pelelong berlesen seluruh Semenanjung Malaysia
4.	Sesi IV	16.2.2017	Wakil Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Institut Integriti Malaysia, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Majlis Peguam, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, Persatuan Perbankan Islam Malaysia, Malayan Banking Berhad, Cyber Security Malaysia, Pos DigiCert Sdn Bhd, Majlis Pelelong Malaysia dan Persatuan-Persatuan Pelelong Negeri

Pada setiap sesi tersebut, PKPMP telah memberi penjelasan secara terperinci mengenai tujuan, konsep, proses kerja dan pembangunan teknikal Sistem e-Lelong kepada semua pihak yang hadir. Pihak-pihak juga telah diberikan peluang untuk mengutarakan sebarang masalah dan komen terhadap pengenalan Sistem e-Lelong.

**PKPMP pada setiap masa sentiasa mengiktiraf bantuan pelelong berlesen yang telah banyak membantu mahkamah sebelum ini, namun sejajar dengan pemodenan teknologi digital, maka pelaksanaan Sistem e-Lelong adalah suatu keperluan demi kepentingan rakyat secara keseluruhan.** PKPMP ingin

memaklumkan bahawa pelelong berlesen masih boleh memainkan peranan dan membantu untuk mengendalikan kes lelong awam harta tak alih di mahkamah bagi kes-kes yang tidak tertakluk di bawah Bahagian IV, Seksyen 256 hingga 269 Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965] dan Aturan 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Sekian.

**DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR**

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Istana Kehakiman

**PUTRAJAYA**

18 Mac 2018